

Analisis Program Mobiliti Pelajar Secara Maya di antara Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bunkyo-Gakuin University, Jepun, Pasca-Pandemik Covid-19
(*Analysis of a Virtual Exchange Program between Students of Universiti Kebangsaan Malaysia and Bunkyo-Gakuin University, Japan, Post-Covid19 Pandemic*)

ASFARINA ZANUDIN*, SITI NUR AKMA KAMARUDDIN & ZAINURA ABDUL KARIM

ABSTRAK

Aplikasi kaedah pembelajaran secara dalam talian semakin meningkat pasca-pandemik Covid-19. Program mobiliti pelajar secara fizikal turut terjejas kesan daripada sekatan perjalanan di seluruh dunia, lebih-lebih lagi bagi negara dengan kes harian yang tinggi. Maka dengan itu, program mobiliti pelajar secara maya diperkenalkan sebagai alternatif untuk meneruskan pembelajaran global. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar universiti yang mengambil bahagian dalam program pertukaran maya di antara mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Bunkyo-Gakuin University, Jepun. Program ini telah berlangsung bermula Disember 2020 sehingga Mac 2021. Seramai 21 pelajar daripada UKM telah melengkapkan soal selidik yang diagihkan melalui platform *Google Form*. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisa data. Hasil kajian mendapati para peserta sangat berpuas hati dengan pengurusan dan kandungan program yang mencapai objektif dan ekspektasi peserta. Keberkesanan program dapat dipertingkatkan dengan menambah lebih banyak sesi interaktif dan permainan dalam talian antara peserta. Para pelajar turut memberikan respon positif untuk terlibat lagi di dalam program sebegini di masa hadapan. Program mobiliti maya mempunyai potensi yang tinggi untuk memupuk pembelajaran secara global merentas budaya dan bangsa.

Kata Kunci: Program Mobiliti Maya; Pembelajaran dalam Talian; Pertukaran Budaya; Kolaborasi Antarabangsa; Internalisasi

ABSTRACT

The use of online learning has increased since the Covid-19 pandemic. Student mobility programs are also affected by travel restrictions all over the world, particularly in countries with high daily cases. Thus, the student mobility program was introduced as an alternative to continuing global learning. This study aims to investigate the perceptions of university students participating in a virtual exchange program between Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Bunkyo-Gakuin University, Japan. The program was conducted from December 2020 to March 2021. A total of 21 students from UKM completed the questionnaire that was distributed through the Google Form platform. Data was analysed using descriptive analysis. Results showed that participants were very satisfied with the program's management and contents, which met the participants' objectives and expectations. The program's effectiveness can be enhanced by adding more interactive sessions and online games between participants. Students are also optimistic about participating in similar program in the future. Virtual mobility program has the potential to promote cross-cultural and cross-national learning.

Keywords: *Virtual Exchange Program; Online Learning; Intercultural Exchange; International Collaboration; Internalisation*

PENGENALAN

Program mobiliti pelajar antarabangsa telah meraih populariti dikalangan pelajar sekolah, mahasiswa mahupun penyelidik kerana ia adalah inisiatif terbaik ke arah memupuk persefahaman kebudayaan antara masyarakat berlainan bangsa dan agama daripada pelbagai negara. Antara program yang melibatkan kolaborasi antarabangsa adalah lawatan penyelidikan, pertukaran pelajar, kursus bahasa dan budaya, program musim panas dan penempatan antarabangsa. Selain memberi peluang kepada pelajar untuk menambahkan pengetahuan dan memperkayakan pengalaman, ia dapat meluaskan jaringan dan kolaborasi antara universiti diperingkat antarabangsa. Pendedahan kepada persekitaran yang baru dan berbeza secara tidak langsung memupuk sikap toleransi dan penerimaan kepelbagaian budaya, meningkatkan jati diri serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran global.

Terdapat pelbagai cabaran yang berkaitan dengan program mobiliti pelajar antarabangsa terutamanya program sebegini hanya melibatkan sebilangan kecil pelajar sahaja disamping pelbagai isu berkaitan polisi dan amalan pengantarabangsaan. Setelah pandemik Covid-19 melanda dunia, sektor pendidikan turut terkesan di mana semua institusi pendidikan di dunia terpaksa ditutup pada awal wabak melanda. Justeru, kebanyakan negara telah menggantikan kaedah pembelajaran secara konvensional (iaitu bersemuka antara pelajar dengan guru) dengan kaedah pembelajaran dalam talian sepenuhnya, termasuklah Malaysia (Pauzi et al., 2020; Abdullah & Mohamed Zin, 2022). Kajian berkaitan kaedah pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 telah banyak dilakukan seperti yang dilaporkan oleh Camargo dan rakan-rakan (2020) dalam analisis *meta-synthesis* didapati terdapat tujuh kajian telah dianalisis. Walaubagaimanapun, analisis berkaitan program mobiliti dalam talian atau lebih dikenali dengan *virtual exchange* (VE) didapati amat kurang dilaporkan. Terdapat hanya satu kajian kualitatif yang melaporkan analisis program VE dan antara tema yang dikenalpasti bagaimana pertukaran maya dapat mengatasi masalah pelajar stereotaip dan pelajar memperoleh keyakinan bertutur dalam bahasa kedua mereka (O'Dowd 2021).

Program "*Virtual Exchange (VE)*" merupakan program mobiliti pelajar antarabangsa secara maya yang kian mendapat perhatian sebagai salah satu cara untuk mempromosikan pembelajaran antarabangsa yang lestari dan inklusif tanpa mobiliti pelajar

sekaligus menjadikannya program yang kos efektif. Ianya merupakan pedagogi antarabangsa yang telah berkembang sejak dua dekad yang lalu sebagai alternatif kepada program pertukaran pelajar secara tradisional di luar negara. Daripada pelajar yang pergi ke negara lain untuk mengalami budaya yang berbeza, mereka dapat terlibat dalam pembelajaran antara budaya dengan berkolaborasi dalam projek dalam talian secara berkumpulan dengan rakan sebaya mereka di seluruh dunia, di bawah bimbingan pensyarah, penyelidik atau fasilitator (Lanham & Voskuil, 2022).

Kajian terdahulu mengenai program VE dalam talian telah menunjukkan pengalaman pembelajaran yang positif di kalangan peserta. Kajian di kalangan pelajar Sepanyol melaporkan peningkatan kemahiran bahasa dan pengetahuan budaya setelah mengambil bahagian dalam gabungan aktiviti mobiliti pelajar secara maya (Marull & Kumar, 2020). Martinsen dan Thompson (2019) mengkaji keberkesanan program pertukaran pelajar secara maya untuk penutur kurang berkemahiran dan mendapati bahawa walaupun untuk pelajar dengan kecekapan terhad, sesi VE menyebabkan peningkatan tahap keselesaan dan keyakinan ketika berinteraksi dengan penutur asli. Selain daripada implikasi positif dari segi kemahiran bahasa, program VE secara maya juga didapati meningkatkan pengetahuan pelajar dari segi kepelbagaian budaya dan meningkatkan kesedaran dari segi isu-isu global berkaitan sosial, politik, ekonomi dan persekitaran secara umum (O'Dowd, 2021).

Namun begitu, kajian berkaitan dengan persepsi pelajar mengenai kualiti penganjuran program kolaborasi antarabangsa di kalangan pelajar Malaysia adalah terhad terutamanya yang melibatkan program pertukaran pelajar secara maya. Oleh itu, data berkaitan dengan topik ini adalah sangat perlu untuk penambahbaikan program serta memahami impak program sedemikian ke atas pelajar dalam pembangunan pendidikan di Malaysia.

Maka dengan itu, fokus kajian ini adalah untuk melaporkan secara komprehensif perspektif dan respon pelajar universiti dalam menggunakan sistem mobiliti pelajar secara maya, pasca-pandemik Covid-19. Skop kajian merangkumi respon mahasiswa UKM daripada Program Fisioterapi yang menyertai program kolaborasi antarabangsa di antara pelajar Malaysia dan Jepun. Objektif kajian adalah untuk menganalisa perspektif pelajar dari segi (i) isi kandungan program, dan (ii) pengurusan program secara keseluruhan yang dianjurkan pihak universiti.

METODOLOGI

Reka Bentuk dan Subjek Kajian

Kajian ini adalah berbentuk keratan rentas silang kerana soal selidik diberikan sekali kepada subjek iaitu selepas tamat program mobiliti (Connelly 2016) menggunakan kaedah persampelan bertujuan (Etikan, Musa & Alkassim, 2016) melibatkan dua puluh satu mahasiswa Tahun 3 daripada Program Fisioterapi yang telah menamatkan program mobiliti pelajar secara maya di UKM. Program tersebut telah dikendalikan bermula Disember 2020 sehingga Mac 2021 di antara mahasiswa UKM dan Bunkyo-Gakuin University (BGU), Jepun. Program ini merangkumi tiga (3) sesi dan setiap sesi mengambil masa dua (2) jam. Sesi pertama merupakan sesi suai kenal yang berlangsung pada Disember 2020. Sesi ke dua dan ke tiga berlangsung antara Februari dan Mac, 2021 merangkumi pengenalan kepada universiti dan budaya.

Prosedur dan Instrumentasi Kajian

Soal selidik kajian disebarkan kepada para pelajar secara dalam talian dengan menggunakan akses *Google Form* selepas pelajar menghabiskan kesemua sesi mobiliti. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 14 item yang dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian (i) terdiri daripada soalan berkenaan maklumat demografik peserta. Bahagian (ii) pula terdiri daripada persepsi peserta berkenaan pengurusan program. Bahagian (iii) pula mengandungi soalan berkaitan persepsi peserta berkaitan isi kandungan program, manakala bahagian (iv) mengandungi dua pertanyaan terbuka, iaitu (a) '*Apakah pengalaman paling anda gemari semasa sesi Virtual Exchange UKM-BGU dalam talian?*', dan (b) '*Apakah cadangan untuk memperbaiki sesi dalam talian ini?*'. Borang kaji selidik ini menggunakan Bahasa Inggeris dan ayat-ayat yang digunakan adalah ringkas and mudah di

fahami. Item di dalam borang kaji selidik ini di nilai menggunakan skala 1 hingga 3; (1 = memuaskan, 2 = sangat baik, 3 = cemerlang) dan juga respon 'Ya' atau 'Tidak'. Kesahan soal selidik telah dilakukan melalui dua kaedah iaitu kesahan kandungan dan muka. Di dalam proses kesahan kandungan, pendapat pakar yang terdiri dari pensyarah dan klinisyen yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan program ini untuk melihat kepada kesesuaian soalan-soalan dalam soal selidik. Selepas proses ini, pra ujian telah dilakukan untuk menentukan kesahan muka dengan melibatkan 10 orang pelajar yang mengikuti program yang sama pada tahun sebelumnya. Responden diminta untuk mengisi soal selidik dan diminta untuk memberi maklumbalas mengenai kefahaman dan kandungan soalan. Selepas kesahan soal selidik diperolehi, analisis kekonsistenan dalaman telah dibuat. Bagi setiap bahagian, item yang menggunakan skala jenis Likert telah dianalisa menggunakan Cronbach's alpha. Soal selidik didapati memiliki kebolehpercayaan dalaman yang tinggi dengan Cronbach's alpha diantara 0.94 hingga 0.95.

Analisis Data

Analisis diskriptif seperti kekerapan dan peratusan telah digunakan untuk menganalisa data dengan menggunakan Microsoft Excel. Bagi pertanyaan terbuka, pernyataan pelajar di kelaskan kepada kategori.

DAPATAN KAJIAN

Profil Kajian

Seramai 21 pelajar telah menjawab kaji selidik ini memberi kadar respons sebanyak 100%. Pelajar perempuan adalah golongan majoriti dengan mencatat 71.4%. Dari segi umur, kesemua responden adalah berusia antara 21 hingga 25 tahun seperti di tunjukkan dalam Jadual 1.


JADUAL 1. Maklumat Peserta

Faktor Demografi	Bilangan Peserta (n)	Peratus (%)
Jantina		
Perempuan	15	71.4
Lelaki	6	28.6
Kategori umur		
21-25	21	100

Penilaian Peserta Terhadap Pengurusan Program
Virtual Exchange

Rajah 1 menunjukkan 62% daripada jumlah pelajar memberi respon cemerlang bagi pengurusan

program dan capaian objektif. Selebihnya menyatakan program ini sangat baik dan hanya 5% (n=1) dari keseluruhan pelajar menyatakan capaian objektif adalah memuaskan.




RAJAH 1. Persepsi Peserta Terhadap Program Pertukaran Pelajar UKM-BGU Secara Maya

Penilaian Peserta Terhadap Isi Kandungan Program
Virtual Exchange

Semua pelajar memberi respon sekurang-kurangnya memuaskan bagi semua aspek berkenaan isi kandungan program dengan lebih dari separuh pelajar memberikan respon cemerlang terhadap kesemua pernyataan. Isi kandungan yang tersusun dan terancang mencatat

peratusan yang tertinggi bagi respon cemerlang dengan peratusan 67%, diikuti dengan objektif pembelajaran yang jelas dan beban kerja yang sesuai masing-masing sebanyak 62%. Namun yang demikian, bagi kenyataan berkenaan memberi peluang kepada pelajar untuk turut serta, hanya 57% (n=12) daripada jumlah pelajar memberikan keputusan yang cemerlang (Rajah 2).



RAJAH 2. Persepsi Peserta Terhadap Isi Kandungan Program Pertukaran Pelajar UKM-BGU Secara Maya



RAJAH 3. Tahap Kepuasan Peserta Dalam Program Pertukaran Pelajar UKM-BGU Secara Maya



RAJAH 4. Rekomendasi Peserta Untuk Meneruskan Program Pertukaran Pelajar Secara Maya di Masa Akan Datang

Majoriti peserta, 85% (n = 18) berpuas hati dengan program yang diusahakan oleh UKM (Rajah 3). Selain itu, 95% (n=20) daripada jumlah pelajar menyarankan untuk meneruskan program maya ini di masa akan datang jika pertemuan bersemuka masih tidak dibenarkan (Rajah 4).

Pengalaman dan Saranan Peserta

Bagi pertanyaan terbuka tentang pengalaman yang paling diminati, jawapan pelajar boleh dikategorikan kepada dua:

- i. Perkongsian peserta UKM dan BGU

Antara sesi perkongsian yang paling diminati yang disenaraikan adalah pengalaman pembelajaran klinikal,

dan juga perkongsian mengenai budaya, persekitaran, fasiliti dan infrastruktur yang terdapat di BGU. Ada juga pelajar menyenaraikan persembahan video sebagai pengalaman yang paling di minati. Antara kenyataan yang di telah berikan adalah:

“Perkongsian oleh kedua-dua universiti mengenai fasiliti dan persekitaran”

“Sesi perkongsian oleh pelajar”

“Boleh mengetahui budaya masyarakat di Jepun”

- ii. Sesi interaktif bersama peserta dari ke dua-dua universiti

Sesi soal jawab (Q&A) adalah sesi yang paling kerap di

senaraikan oleh pelajar sebagai yang paling diminati di dalam program ini. Antara pernyataan yang diberikan pelajar adalah

“Interaksi di antara pelajar”

“Menjadi juruacara dan belajar bahasa Jepun dari mereka”

“Sesi soal jawab”

Manakala, dapatan kajian bagi soalan terbuka berkenaan saranan peserta untuk penambahbaikan program boleh di bahagikan kepada tiga kategori:

iii. Menambahkan sesi yang interaktif

Beberapa pelajar telah mencadangkan untuk menambah sesi interaktif dan melibatkan pelajar seperti mengadakan permainan atas talian dan perbentangan kes oleh pelajar. Antara pernyataan yang diberikan adalah:

“Menyediakan permainan atas talian untuk mengukuhkan ikatan”

“Banyakkan lagi sesi interaktif”

“Mengadakan perbentangan kes oleh pelajar”

iv. Mengekalkan program ini untuk masa akan datang

Dua daripada keseluruhan pelajar menyarankan supaya program ini diteruskan. Pelajar tersebut membuat kenyataan:

“Perlu diteruskan program seperti ini”

“Teruskan sesi atas talian internasional”

v. Persediaan awal

Pelajar meminta untuk memaklumkan perjumpaan berikutnya secepat mungkin agar membolehkan mereka membuat persediaan awal.

“Rancang sebulan awal dan maklumkan kepada semua peserta untuk penyediaan video dan slaid yang lebih baik”

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini merekodkan seramai 21 pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyertai program mobiliti pelajar secara maya yang dianjurkan bersama rakan universiti Bunkyo-Gakuin University

(BGU), Jepun. Secara tidak langsung ini membuktikan bahawa program pertukaran pelajar secara maya membolehkan lebih ramai pelajar mengambil bahagian dan ini boleh dikaitkan dengan faktor kos. Program dalam talian hanya memerlukan kos minimum seperti kos data internet (Lim, Abd Rahim, Mahmud, Pazim, & Samsu, 2022).

Walaupun program ini dianjurkan secara maya, namun jelas ia memberikan pengalaman keseluruhan yang baik untuk para peserta. Respon kumulatif melebihi 60% direkodkan dari segi pengurusan program yang cemerlang dan objektif program yang mencapai sasaran. Dari segi kandungan program, majoriti peserta memberikan respon cemerlang dan 86% daripada peserta sangat berpuas hati dengan kesesuaian aktiviti yang dianjurkan yang memenuhi ekspektasi peserta. Pengurusan program sebegini melibatkan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada pensyarah, ahli program, pihak pengurusan universiti serta mahasiswa yang terlibat daripada kedua-dua institusi pengajian tinggi. Perancangan yang rapi dari segi kandungan program adalah penting di mana ia perlu merangkumi pelbagai topik seperti budaya, tradisi, makanan dan pelbagai lagi aspek antarabangsa. Keberkesanan kaedah mobiliti pelajar antarabangsa bukan sahaja dinilai dari segi tahap aktif pelajar semasa program berlangsung, tetapi bagaimana pengalaman positif yang diperolehi dapat menerapkan kemahiran yang mereka pelajari untuk kegunaan di masa hadapan sama ada dalam bidang pekerjaan mahupun pendidikan tinggi. Tambahan lagi dapat bekerjasama dengan rakan sebaya antarabangsa dari bidang pengajian yang sama dapat meningkatkan tahap komunikasi, memperbaiki kebolehan untuk mencari solusi dalam penyelesaian masalah dari perspektif berbeza serta mengaplikasikan pengetahuan. Para pelajar juga didapati meningkatkan tahap kesedaran dan keprihatinan tentang kepelbagaian antara budaya, meraikan kepelbagaian dan nilai sejagat (Wood, Collins, Mueller, Stetten, & El-Shokry, 2022).

Berkenaan isi kandungan program, peratusan terendah bagi penanda aras cemerlang adalah mengenai peluang turut serta oleh pelajar, iaitu mencatat 57% (n=12) daripada keseluruhan pelajar (Rajah 2). Ia di sokong dengan cadangan mereka di dalam pertanyaan terbuka untuk menambah baik sesi interaktif di dalam program demi mengeratkan ukhuwah antara peserta dengan memperbanyakkan sesi permainan atas talian serta menambahkan sesi pembentangan oleh pelajar. Seperti yang dilaporkan di dalam kebanyakan program aktiviti dalam talian, sesi interaksi di dalam program mobiliti secara maya biasanya lebih mencabar di sebabkan faktor penyambungan internet, dan juga limitasi dari segi masa di mana tidak semua peserta

dapat berinteraksi dalam masa yang sama, tidak seperti mobiliti fizikal di mana kesemua peserta boleh berkomunikasi dan berinteraksi sepanjang program berlangsung (Lim, Abd Rahim, Mahmud, Pazim, & Samsu, 2022).

Namun demikian, tiada masalah teknikal yang dilaporkan di dalam kajian ini sepanjang program berlangsung. Ini jelas menunjukkan bahawa majoriti pelajar sangat bersedia untuk mengikuti program dalam talian di mana para pelajar boleh menyesuaikan diri dengan penggunaan komputer riba mahupun telefon pintar sewaktu mengikuti kelas dalam talian. Para pelajar telah mendapat pendedahan awal dalam penggunaan platform digital serta mengetahui cara pengendalian dan fungsi butang ikon di platform digital tersebut. Selain itu, para peserta program terdiri daripada pelajar universiti yang mempunyai kompetensi dari segi teknikal (Ranganathan et al. 2021) iaitu generasi yang mahir teknologi, oleh itu dapat meningkatkan kemampuan individu untuk mengakses aktiviti.

Persepsi pelajar mengenai kelestarian program mobiliti pelajar secara maya setelah ianya berakhir menunjukkan mereka sangat berminat untuk terlibat dalam program sebegini jika diberi peluang di masa akan datang. Respon positif yang ditunjukkan oleh para pelajar menunjukkan tahap penerimaan mereka untuk program pertukaran pelajar secara maya di mana mereka lebih bermotivasi untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran global seiring dengan perkembangan teknologi.

Implimentasi program pendidikan berasaskan ICT mampu meyumbang secara efektif dalam memperluaskan konsep "*Internalisation at Home*" yang menggalakkan integrasi antarabangsa dari segi budaya, ilmu pengetahuan dan pengalaman di dalam kurikulum secara formal mahupun tidak formal kepada semua pelajar dalam persekitaran pembelajaran domestik. Adaptasi kepada norma baharu memerlukan modaliti pengantarabangsaan universiti yang baharu bersesuaian dengan perkembangan teknologi, dan ia akan memberi kesan yang signifikan terhadap reputasi dan daya tarikan institusi pendidikan tinggi di negara ini secara keseluruhan.

KAJIAN LANJUTAN

Kajian di masa hadapan adalah disarankan untuk menambah bilangan subjek merangkumi peserta daripada pelbagai etnik, dan juga membuka peluang kepada pelajar daripada jurusan yang berbeza. Selain itu, kajian seumpama ini juga boleh diperluaskan dengan penglibatan pelajar daripada institusi pengajian tinggi

awam dan swasta, serta pelajar di peringkat sekolah menengah, untuk mendapatkan respon pelajar daripada peringkat yang berbeza di samping mengetahui potensi sebenar program secara menyeluruh.

KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 telah mengakibatkan peralihan aktiviti pembelajaran dan pengajaran dari pembelajaran fizikal ke pembelajaran di dalam talian. Program mobiliti pelajar juga turut terjejas dan telah beralih ke mod maya (dalam talian). Pelaksanaan program pertukaran pelajar secara maya (*virtual exchange*) sememangnya tidak akan dapat menandingi pengalaman sebenar belajar di luar negara. Namun begitu, walaupun peserta tidak mendapat pendedahan fizikal di negara penerima, mobiliti maya didapati sangat berkesan apabila program ini dirancang dan diuruskan dengan baik di mana aspek-aspek utama mobiliti program seperti belajar bahasa asing, budaya, tradisi dan perkongsian dan pertukaran idea dan perspektif dalam platform yang selamat dan kondusif dimasukkan sebagai rencana utama. Apabila sumber terhad, program pertukaran pelajar secara maya boleh digunakan sebagai alternatif untuk program pertukaran fizikal. Program mobiliti maya ini di harap dapat diteruskan dan ditambah baik pada tahun-tahun akan datang dan bukan hanya sebagai penyelesaian *ad hoc* untuk meneruskan pembelajaran semasa pandemik Covid-19 sahaja. Kualiti program hendaklah ditambah baik di masa akan datang untuk menarik lebih ramai peserta untuk mengambil bahagian dalam amalan pengantarabangsaan di masa hadapan. Adalah penting untuk ditekankan bahawa program pertukaran pelajar secara maya tidak boleh menggantikan mobiliti fizikal, tetapi bertujuan meningkatkan pembelajaran secara global.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam program mobiliti maya ini terutama kepada pelajar Tahun 3 Program Fisioterapi sesi 2020/2021, ahli Program Fisioterapi, UKM serta pelajar dan pensyarah BGSU. Sekalung penghargaan juga kepada pengurusan tertinggi Fakulti Sains Kesihatan, UKM yang menyokong penganjuran program mobiliti ini.

RUJUKAN

Abdullah, N., & Mohamed Zin, M. 2022. Cabaran Pembelajaran dalam talian Semasa Pandemik

- covid-19 Bagi Pelajar pengajian bahasa Arab di kuis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5). doi:10.47405/mjssh.v7i5.1488
- Camargo, C.P., Tempski, P.Z., Busnardo, F.F., Martins, M.D.A. and Gemperli, R., 2020. Online learning and COVID-19: a meta-synthesis analysis. *Clinics*, 75.
- Connelly, L.M., 2016. Cross-sectional survey research. *Medsurg nursing*, 25(5), p.369.
- Etikan, I., Musa, S.A. and Alkassim, R.S., 2016. Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American journal of theoretical and applied statistics*, 5(1), pp.1-4.
- Lanham, C. C., & Voskuil, C. 2022. Virtual Exchange: Expanding access to global learning. *Academic Voices*, 3-14. doi:10.1016/b978-0-323-91185-6.00013-6
- Lim, B., Abd Rahim, D., Mahmud, R., Pazim, K., & Samsu, S. 2022. Perception of University Students on Virtual Exchange Program. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 7(43), 202-211. doi:10.55573/IJAFB.074315
- Martinsen, R. A., & Thompson, G. L. 2019. Virtual Conversations: Research and Practice in Online Language Exchanges. *Publicaciones*, 49(2), 77-92. doi:10.30827/publicaciones.v49i2.11345
- Marull, C., & Kumar, S. 2020. Authentic language learning through telecollaboration in online courses. *TechTrends*, 64(4), 628-635. doi:10.1007/s11528-020-00488-2
- O'Dowd, R. 2021. What do students learn in Virtual Exchange? A qualitative content analysis of learning outcomes across multiple exchanges. *International Journal of Educational Research*, 109, 101804. doi:10.1016/j.ijer.2021.101804
- Pauzi, M. F., Juhari, S. N., Amiruddin, S., & Hassan, N. M. 2020. Covid-19: Pengajaran dan pembelajaran sewaktu krisis pandemik. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan, Jilid III*.
- Ranganathan, H., Singh, D.K.A., Kumar, S., Sharma, S., Chua, S.K., Ahmad, N.B. and Harikrishnan, K., 2021. Readiness towards online learning among physiotherapy undergraduates. *BMC medical education*, 21(1), pp.1-8.
- Wood, E. A., Collins, S. L., Mueller, S., Stetten, N. E., & El-Shokry, M. (2022). Transforming Perspectives through Virtual Exchange: A US-egypt partnership part 1. *Frontiers in Public Health*, 10. doi:10.3389/fpubh.2022.877547

Asfarina Zanudin*, Siti Nur Akma Kamaruddin & Zainura Abdul Karim
 Program Fisioterapi, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
 50300 Kuala Lumpur.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: asfarina.zanudin@ukm.edu.my

Diserahkan: 26 Oktober 2022

Diterima: 13 Februari 2023